

# BULETIN UTHM

Bil.5 Mei 2024 | ISSN 2232-0415



**UTHM-Sena Traffic Systems terus jalin kerjasama,  
sumbang RM650 ribu naik taraf kampus pintar**

ISSN 2232-0415



UTHM Johor

subscribe  
**UTHM TV**  
www.uthm.edu.my



Global Technopreneur  
University 2030

# BULETIN UTHM

## Isi Kandungan

- 1 UTHM peroleh Pensijilan 2-Star Energy Management Gold Standard, raih Anugerah Khas Pencapaian Terbaik Institusi Pendidikan
- 3 UTHM-Sena Traffic Systems terus jalin kerjasama, sumbang RM650 ribu naik taraf kampus pintar
- 5 UTHM-Polis Muar jalin kerjasama lancar program 'Community Policing' Hub Pendidikan Tinggi Pagoh
- 7 Program Petik PTTA: Modul diperkemas, kolaborasi diperluas
- 9 UTHM dan Evergreen Fibreboard Berhad jalin kerjasama tanam 300 anak pokok
- 10 Kor Sispa UTHM unggul tempat ketiga IPT Civil Defence Skills Challenge Peringkat Kebangsaan 2024
- 12 UTHM raih dua pingat di MASUM 2024
- 14 Terbitan Terkini

## REDAKSI

### EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

### SUB-EDITOR

Muhammad Zahir Ab'aziz  
Suriyati Baharom

### PENYELARAS

Suriyati Baharom

### GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

### FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak  
Jaafar Muhammad

### PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

### PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

### PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat  
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia





## UTHM peroleh Pensijilan 2-Star Energy Management Gold Standard, raih Anugerah Khas Pencapaian Terbaik Institusi Pendidikan

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya memperoleh pensijilan 2-Star Energy Management Gold Standard (EMGS) ketika berlangsungnya Majlis Penganugerahan Sijil Energy Management Gold Standard (EMGS) di bawah ASEAN Energy Management Scheme (AEMAS) pada 21 Mei 2024.

UTHM juga telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Kategori Pencapaian Terbaik Bagi Sub Kategori Institusi Pendidikan sekali gus merangkul dua anugerah dalam majlis tersebut.

Pengiktirafan dan anugerah tersebut telah disampaikan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad dalam majlis yang diadakan di Hotel EQ Kuala Lumpur.

Untuk rekod, UTHM sebelum ini pernah memperoleh pensijilan 1-Star EMGS pada tahun 2020.

Proses penilaian bagi pensijilan 2-Star EMGS ini telah dikendalikan oleh Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) menerusi

tujuh komponen utama iaitu pengurusan, organisasi, proses, informasi, kewangan, tanggungjawab korporat dan pencapaian dengan berpandukan kriteria yang ditetapkan.

Pensijilan 2-Star EMGS itu membuktikan UTHM berjaya mencapai pengurangan penggunaan tenaga menerusi kempen dan inisiatif yang dijalankan.

Pengarah Pejabat Kampus Lestari (SCO), Profesor Ts. Dr. Aeslina Abdul Kadir berkata pihaknya bertanggungjawab sepenuhnya menguruskan proses awal hingga selesai pensijilan 2-Star EMGS ini yang telah diselaraskan oleh Pengurus Tenaga Universiti, Prof. Madya Ir. Dr. Mohd Fairouz Mohd Yousof.

Tambah beliau, kejayaan ini turut dibantu oleh Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan (PPP), UTHM yang telah melaksanakan inisiatif penjimatan tenaga bermula pada tahun 2015.

Proses pengurusan tenaga, pengumpulan data dan penyediaan laporan telah dilaksanakan secara bersama oleh SCO dan PPP dengan dibantu oleh


Jawatankuasa Pengurusan dan Kecekapan Tenaga Universiti (JKPTU) dan Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan dan Kecekapan Tenaga Universiti (JPPKTU) bermula pada tahun 2020 lagi.

“Dokumen lengkap telah diserahkan kepada pihak MGTC pada pertengahan Julai 2022, manakala sesi penilaian pula telah dijalankan pada 27 - 29 Disember 2022.

“Pihak kami juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Pengurus Tenaga Universiti, Prof. Madya Dr. Mohammad Kamil Abdullah, PPP, JKPTU, JPPKTU, Pusat Tanggungjawab (PTj) serta semua pihak yang terlibat dalam proses pengumpulan data dan penyediaan laporan bagi pensijilan 2-Star EMGS ini.

“Usaha dan kerjasama daripada semua pihak membuktikan kejayaan ini bukan hanya memberi pengiktirafan dan penarafan yang bermakna kepada UTHM, malah dapat membantu universiti mengurangkan kos perbelanjaan utiliti melalui inisiatif penjimatan yang dilaksanakan, selain menjadi budaya murni kepada warga kampus,” katanya.

Tambah Prof. Aeslina, SCO akan terus berusaha untuk membantu UTHM dalam aspek pengurusan tenaga dan meningkatkan lagi agenda kelestarian kampus, selain meletakkan sasaran pencapaian 3-Star yang menjadi pensijilan tertinggi di bawah EMGS oleh ASEAN Energy Management Scheme.





## UTHM-Sena Traffic Systems terus jalin kerjasama, sumbang RM650 ribu naik taraf kampus pintar

BATU PAHAT, 14 Mei 2024 – Sena Traffic Systems Sdn. Bhd. menyumbang sebanyak RM650 ribu kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam satu majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) yang diadakan di kampus induk pada 14 Mei 2024.

Peruntukan tersebut bertujuan menyumbang infra berkaitan kawalan trafik pintar, pengurusan dan menaik taraf peralatan bagi Kampus Pintar UTHM-Sena, menaik taraf sistem dan perkakasan pengurusan lalu lintas, sistem lampu jalan, pusat kawalan dan juga kamera litar tertutup (CCTV).

Perjanjian kerjasama tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor, UTHM, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim dan Pengarah Teknikal, Sena Traffic Systems Sdn Bhd, David Lim Chiok Chuan, sambil disaksikan oleh Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi UTHM, Naim Maslan dan Ketua Pegawai Kewangan, ITMAX System Berhad, Shaun Tee.

Dato' Ruzairi dalam ucapannya berkata kerjasama yang bakal diadakan itu dapat mengeratkan lagi hubungan UTHM dengan rakan industri

dalam usaha meningkatkan lagi aktiviti bidang akademik, penyelidikan dan pembangunan serta aktiviti perundingan.

“Moga jalinan kerjasama ini dapat merencanakan lagi aktiviti pemindahan teknologi dari industri ke universiti sekali gus memupuk kesedaran bukan sahaja kepada ahli akademik, tetapi juga kepada para pelajar khususnya berkaitan kemajuan teknologi terkini.

Perjanjian kerjasama itu juga mampu memberi manfaat kepada sekolah-sekolah sekitar Batu Pahat terutamanya dalam melaksanakan program-program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi memangkin minat pelajar sekolah rendah dan menengah dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).”

Untuk rekod, UTHM dan Sena Traffic System sebelum ini telah menandatangani dua MoA pada 14 Januari 2019 (dana Penyelidikan dan Pembangunan) dan 30 September 2022 (dana Basiswa Sena Traffic Systems).

Sebagai timbal balik, UTHM akan berkerjasama dalam pembangunan bakat baharu, penyelidikan dan program latihan industri di Sena Traffic Systems.

Kedua-dua pihak juga akan bekerjasama dalam menawarkan kursus berkaitan kejuruteraan trafik di UTHM yang merangkumi kejuruteraan trafik dalam konteks bandaraya Malaysia, pembangunan pengawal trafik, operasi, penyelenggaraan dan diagnosis Perisian Pusat Pengawal Sena.

Turut hadir pada majlis menandatangani perjanjian tersebut, Penasihat Teknikal Sena Group, Datuk Ir. Dr. Leong Siew Mun, Timbalan

Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad, Pengarah Institute of Integration Engineering, Profesor Ts. Dr. Hj. Mohd Khairul Ahmad, Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Profesor Madya Ts. Dr. Asmarashid Ponniran, kakitangan Sena Traffic Systems dan Pegawai-pegawai universiti.

**Caption gambar:** Perjanjian kerjasama tersebut ditandatangani oleh Naib Canselor, UTHM, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim dan Pengarah Teknikal, Sena Traffic Systems Sdn Bhd, David Lim Chiok Chuan, sambil disaksikan oleh Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi UTHM, Naim Maslan dan Ketua Pegawai Kewangan, ITMAX System Berhad, Shaun Tee.



## UTHM-Polis Muar jalin kerjasama lancar program 'Community Policing' Hub Pendidikan Tinggi Pagoh



PAGOH, 12 Mei 2024 - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Kampus Cawangan Pagoh bekerjasama dengan Ibu Pejabat Polis Daerah Muar melancarkan Program 'Community Policing' yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dalam kalangan mahasiswa.

Program tersebut diadakan bertujuan menyediakan platform kepada para pelajar untuk mendapatkan pendedahan awal berkaitan jenayah melalui ceramah pencegahan jenayah yang diberikan oleh empat bahagian utama Polis Diraja Malaysia (PDRM) iaitu Bahagian Siasatan Jenayah, Bahagian Siasatan Jenayah Komersial, Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik serta Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik.

Selain itu, pendedahan mengenai bahaya jenayah serta trend terkini jenayah di Malaysia turut diberikan kepada para pelajar dengan harapan agar mereka dapat mengelakkan diri daripada terlibat secara langsung ataupun sebagai mangsa.

Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Profesor Madya Dr. Afandi Ahmad dalam ucapannya berkata program tersebut bertujuan untuk menjalin hubungan yang erat antara UTHM dan PDRM, serta sebagai usaha meningkatkan keselamatan dan ketenteraman dalam kalangan warga kampus.

"Program Pelancaran 'Community Policing' ini diharapkan dapat diadakan secara berterusan bagi

memastikan keselamatan dan ketenteraman seluruh warga HPTP khususnya UTHM Kampus Pagoh.

"Ini adalah langkah positif dalam memupuk kerjasama antara institusi pendidikan tinggi dan pihak berkuasa keselamatan untuk mencapai komuniti yang lebih selamat dan harmoni," tambah Dr. Afandi.

Program itu telah disempurnakan oleh Ketua Polis IPD Muar, ACP Raiz Mukhliz Azman Aziz.

Beliau turut menyatakan sokongan penuh pihaknya dan akan terus komited dalam memastikan keamanan di kampus Hub Pendidikan Tinggi Pagoh.

Turut hadir ke majlis pelancaran itu, Pengarah SPK KPT, Huzaimi Amir Zainudin, Timbalan Ketua Polis Daerah Muar, Supt. Muhammad Aidil Roneh Abdullah, wakil pengurusan tertinggi IIUM, UTM, PTSN, SDPS, Pegawai Kanan UTHM Kampus Pagoh serta ketua-ketua jabatan dari IPD Muar dan para pelajar Hub Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP).

Majlis tersebut turut menyaksikan empat pegawai polis telah ditauliahkan oleh Ketua Polis Daerah Muar sebagai Pegawai Perhubungan Universiti kepada keempat-empat universiti yang berada di HPTP.

Mereka bertindak sebagai penasihat dan penghubung PDRM bagi program keselamatan dan pencegahan jenayah di universiti masing-masing.

Selain itu, program latihan dalam perkhidmatan secara gabungan berkaitan peranan Polis Bantuan telah diadakan melibatkan penyertaan semua anggota keselamatan HPTP.

Manakala satu sesi Mesyuarat Permuafakatan bersama PDRM juga turut diadakan sebelum majlis

perasmian bagi menjalin hubungan dan kerjasama yang erat antara pengurusan tertinggi semua institusi dan agensi HPTP dengan PDRM IPD Muar.





## Program Petik PTTA: Modul diperkemas, kolaborasi diperluas

BATU PAHAT - Program Pemimpin Perintis Kejayaan (PETIK) Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang kini dijenamakan sebagai 'Program Pementapan Insani Khalifah' telah pun memasuki tahun ketiga sejak penganjurannya pada tahun 2022.

Seiring dengan keperluan semasa dan penambahbaikan berterusan, modul program khidmat sosial korporat (CSR) PTTA itu telah diperkemas dan diperkasakan bagi mendapatkan hasil yang lebih baik.

Selaras dengan profesionalisme dalam bidang kepustakawanan, modul program tersebut bukan sahaja berfokus kepada motivasi, kepimpinan atau kerohanian semata-mata, malah dari aspek pencarian maklumat, penyebaran ilmu dan pengurusan pusat sumber turut diterapkan.

Menurut Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PTTA, Suhaimi Mohd Sukor merangkap penasihat program, sasaran penyertaan program itu bukan hanya dibuka kepada murid sekolah rendah sahaja, malah turut ditawarkan kepada murid sekolah menengah.

Justeru, pada tahun lalu iaitu pada tanggal 23 dan 24 Jun 2023, bertempat di Pusaf Minda Emas (PuMAS),

telah berlangsung Program PETIK Siri Pertama 2023 bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Sardon, Batu Pahat dengan penyertaan seramai 82 pengawas sekolah.

Kemudian, diikuti oleh siri kedua bersama Sekolah Kebangsaan Kg Dato Ibrahim Majid, Simpang Renggam pada 18 Julai 2023 bertempat di Masjid al-Mustaghfirin dengan penyertaan seramai 78 murid darjah enam.

Seterusnya, seramai 80 murid yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2023 daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Perdana, Kluang, Johor telah menyertai Program PETIK Siri Ketiga 2023 pada 12 hingga 14 Oktober 2023.

Sementara itu, Ketua Fasilitator Program PETIK, Zuraini Tasri pula berkata Modul PETIK untuk siri pertama 2023 berfokus kepada 'Kepimpinan' secara umum, manakala siri kedua pula adalah pengkhususan kepada 'Sahsiah Diri' pelajar.

Tambah beliau, untuk siri ketiga 2023, Modul PETIK telah bergabung dengan Modul Kem Motivasi Pelajar (PINTAR) daripada Pusat Islam UTHM yang berfokuskan kepada 'Cita-cita.'

Terkini, Program PETIK menjadi salah satu daripada pilihan program yang dilaksanakan dalam memperkasa ekosistem CSR di UTHM.

Pada tanggal 5 dan 12 Mei 2024 lalu, Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC) UTHM dengan kerjasama PTTA dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Temenggong Ibrahim Penggaram, Batu Pahat serta Sekolah Kebangsaan Seri Bertam, Yong Peng telah mengadakan Program Pembinaan Karakter dan Kepimpinan Murid.

Program PETIK Siri Pertama 2024 telah disertai oleh 107 murid, manakala siri kedua pula telah disertai oleh 56 orang murid yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin cilik sekolah antaranya *Student Leader Board*, Pengawas, Pengawas Pusat Sumber dan Pembimbing Rakan Rakan Sebaya.

Majlis penutup untuk kedua-dua siri itu telah disempurnakan oleh Ketua Pustakawan, Zaharah Abd Samad merangkap Ketua Kluster UTHM Prihatin dan Ketua Jabatan Jaringan Masyarakat dan Pemandahan Ilmu, ICRC, Dr. Mohd Hafizal Hanipah.

Zaharah dalam ucapannya turut melahirkan harapan agar program ini dapat meningkatkan lagi minat pelajar dalam subjek matematik dan sains serta mempromosikan PTTA sebagai sebuah gedung ilmu yang menjadi pilihan pelajar bagi menyambung pengajian mereka khususnya dalam bidang *Technical and Vocational Education and Training* (TVET).

Untuk rekod, bagi meningkatkan lagi nilai kebersamaan dalam kerja berpasukan, tiga daripada siri program itu telah dilaksanakan dengan kolaborasi bersama persatuan dan kesatuan di UTHM iaitu Persatuan Pegawai Pentadbir dan Ikhtisas (PENTAS) dan Kesatuan Kakitangan Pelaksana UTHM (KKPUTHM).

Pelaksanaan modul Program PETIK PTTA yang diperkemas melalui kolaborasi bersama ramai pihak itu diharap dapat dimanfaatkan oleh komuniti sekitar khususnya dalam aspek kemahiran insani seorang khalifah dan kemenjadian murid.





## UTHM dan Evergreen Fibreboard Berhad jalin kerjasama tanam 300 anak pokok

BATU PAHAT – Dalam usaha mewujudkan persekitaran hijau, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Evergreen Fibreboard Berhad telah menjalinkan kerjasama melaksanakan program penanaman ratusan anak pokok di kampus.

Evergreen Fibreboard telah menyumbang sebanyak 500 anak pokok bagi tujuan tersebut dan 300 anak pokok spesies Eucalyptus Robusta (Swamp Mahogany) telah berjaya ditanam di kawasan Buffer Zone, Blok G7, kampus induk pada 30 Mei 2024.

Program tersebut merupakan *Corporate Social Responsibility (CSR)* pihak Evergreen Fibreboard, sekali gus menjadi salah satu inisiatif UTHM dalam menyokong 'Program Penghijauan Malaysia' melalui 'Kempen Penanaman 100 Juta Pokok' bermula tahun 2021 hingga 2025.

Pemilihan kawasan tersebut adalah bertujuan sebagai penebat kepada habuk dan bunyi yang dihasilkan dari kawasan perindustrian berhampiran.

Program tersebut telah selaraskan oleh Pejabat Kampus Lestari (SCO) bersama Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan (PPP), Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF), Yayasan UTHM dan Kelab Planeteers.

Menurut Pengarah Pejabat Kampus Lestari, Profesor Ts. Dr. Aeslina Abdul Kadir, sebanyak 644 batang pokok telah ditanam di sekitar UTHM sejak 2021

antaranya pokok durian, mangga, rambutan dan ciku, Menurut beliau, penanaman pokok merupakan kaedah alami yang paling efektif untuk menyerap karbon dioksida, sekali gus mengurangkan kesan gas rumah hijau.

"Program ini juga adalah inisiatif jangka masa panjang untuk mengurangkan kesan perubahan iklim serta mempromosikan persekitaran yang lebih hijau dan mampan di dalam kampus," katanya.

Sesi penanaman anak pokok tersebut turut disertai Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi UTHM, Naim Maslan dan Pengurus Operasi Evergreen Fibreboard Berhad, Geam Yong Kia.

Turut hadir, Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab dan staf UTHM, kakitangan Evergreen serta pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP).





## Kor Sispa UTHM unggul tempat ketiga IPT Civil Defence Skills Challenge Peringkat Kebangsaan 2024

GEORGETOWN – Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Kor Sispa UTHM) berjaya mengungguli tempat ketiga ketika menyertai 'Institusi Pengajian Tinggi Civil Defence Skills Challenge Peringkat Kebangsaan Tahun 2024' yang telah berlangsung di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 14 hingga 16 Mei 2024.

IPT Civil Defence Skills Challenge Peringkat Kebangsaan Tahun 2024 anjuran Kor Sispa Universiti Sains Malaysia (USM) turut disertai oleh tujuh institusi lain seluruh Malaysia iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Kuala Lumpur - Malaysian Institute of Industrial Technology (UniKL MITEC), Politeknik Kota Bharu dan Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas.

Staf Muda (PA) Muhammad Arif Asyraf Mohd Zainuddin selaku ketua pasukan menzahirkan rasa syukur atas pencapaian kontinjen Kor Sispa UTHM dalam IPT Civil Defence Skills Challenge Peringkat Kebangsaan Tahun 2024.

"Pencapaian pada edisi kali ini adalah berkat semangat berpasukan yang tinggi serta komitmen

semua pihak khususnya Jurulatih dan Pegawai Kadet Sispa," katanya.

Beliau mewakili kontinjen Kor Sispa UTHM turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga Kor Sispa UTHM atas segala sokongan dan semangat yang diberikan sepanjang pertandingan berlangsung.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Shahrudin Mahzan@Mohd Zin, merangkap Komandan Kor Sispa UTHM turut mengucapkan tahniah kepada kontinjen dan berharap pasukan itu mampu mengekalkan pencapaian yang cemerlang pada pertandingan akan datang.

Kontinjen Kor Sispa UTHM terdiri daripada 11 Pegawai Pengiring dan 14 Pegawai Kadet yang diketuai oleh Leftenan (PA) Davies anak Gendum selaku *Chef de Mission*.

**Peserta:**

- a. Staf Muda (PA) Muhammad Arif Asyraf bin Mohd Zainuddin – Ketua Pasukan (FKMP)
- b. Pegawai Kadet Sispa Rujukan Kanan Muhammad Ariff bin Muhammad Rizan (FPTP)
- c. Pegawai Kadet Sispa Rujukan Kanan Siti Rosida binti Roslan (FPTP)
- d. Pegawai Kadet Sispa Senior Nur Amirul Aiman bin Zukarnain (FTK)
- e. Pegawai Kadet Sispa Senior Muhammad Irfan bin Ishak (FPTP)
- f. Pegawai Kadet Sispa Senior Nurlidya Natasya binti Ismail (FPTP)
- g. Pegawai Kadet Sispa Junior Mohammad Faris Hirman bin Mansor (FPTP)
- h. Pegawai Kadet Sispa Junior Muhammad Ridzuan bin Hudri (FPTP)
- i. Pegawai Kadet Sispa Junior Nur Hidayah binti Rusli (FPTP)
- j. Pegawai Kadet Sispa Junior Muhammad Akmal Rusydan bin Yazid (FAST)
- k. Pegawai Kadet Sispa Junior Siti Aisyah binti Yusof (FTK)
- l. Pegawai Kadet Sispa Junior Maizatul Sofea binti Mohd Mahat (PPD)
- m. Pegawai Kadet Sispa Junior Muhammad Afif Irfan bin Abdul Wahab (PPD)
- n. Pegawai Kadet Sispa Junior Muhammad Nabil Iman bin Ahmad Saharuddin (PPD)

**Jurulatih**

- a. Leftenan (PA) Davies anak Gendum – Ketua Jurulatih (*Chef de Mission*)
- b. Leftenan Muda (PA) Ikmal Danial bin Suraiadi
- c. Leftenan Muda (PA) Muhammad Aiman bin Mohd Adzha
- d. Koperal (PA) Norazlina binti Mansor
- e. Koperal (PA) Noriah binti Mohammad
- f. Lans Koperal (PA) Mohd Norazzim bin Mohd Khalid

**Pegawai Pengiring:**

- a. Leftenan Muda (PA) Muhammad Afzal bin Paizol Akman
- b. Leftenan Muda (PA) Nur Atiqah Syarifah binti Ahmad Arabi
- c. Leftenan Muda (PA) Muhammad Fikri bin Zulkifli
- d. Leftenan Muda (PA) Nurul Natasya Najwa binti Nasri
- e. Leftenan Muda (PA) Md Khairulazhar bin Asri
- f. Prebet (PA) Muhamad Ashraf bin Mat Lazim





## UTHM raih dua pingat di MASUM 2024

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya meraih dua pingat perak ketika menyertai Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2024 pada 22 hingga 27 April lalu bagi fasa satu dan 6 hingga 12 Mei bagi fasa dua.

Seramai 101 atlet dari UTHM telah bertanding dalam 10 acara sukan iaitu Bola Tampar Pantai, Silat, Petanque, Bola Jaring, Bola Keranjang, Sofbol, Ragbi 7's, Karate dan Tenis.

Pada Karnival MASUM Fasa Satu yang berlangsung di Universiti Malaysia Sabah (UMS), UTHM berjaya meraih dua pingat perak melalui pasukan Bola Tampar Pantai Lelaki dan pasukan Petanque *Doubles Women*.

Manakala di Karnival MASUM Fasa Dua yang berlangsung di Universiti Malaya (UM) pula, pasukan UTHM tidak berjaya membawa pulang sebarang pingat namun masih memberikan saingan yang sengit sepanjang karnival berlangsung.

Untuk rekod, penganjuran temasya sukan di peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT) itu diadakan pada setiap tahun dengan penglibatan 20 universiti awam seluruh Malaysia.

Sr. Dr. Anuar Mohd Salleh, Menjalankan Tugas Pengarah, Pusat Sukan Universiti turut mengucapkan tahniah kepada pasukan yang berjaya meraih pingat dan berharap UTHM dapat meneruskan usaha untuk meraih kejayaan di MASUM pada edisi akan datang.

“Pasukan UTHM kini dalam persiapan untuk menghadapi Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) yang akan berlangsung pada September 2024 bertempat di Universiti Utara Malaysia (UUM),” ujar Dr. Anuar.



# SARJANA MUDA SAINS

## Analitik Data Komputasi

### Dengan Kejujian

Penawaran program Sarjana Muda Sains (Analitik Data Komputasi) dengan Kejujian secara 2u2i ini adalah bagi menyahut cabaran pengajian tinggi negara, iaitu untuk menghasilkan graduan holistik, dan bercirikan keusahawanan dan seimbang (Lonjakan 1, PPPM) di mana graduan yang akan dihasilkan berpadanan antara penawaran majikan berikutan kurikulum yang dibangunkan adalah berdasarkan kepada keperluan industri semasa. Inisiatif yang dibuat adalah dengan menambahbaik pengalaman pembelajaran pelajar dengan memperluas kolaborasi industri dalam merangka kurikulum dan melaksanakan program, meningkatkan pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembelajaran berasaskan pekerjaan (WBL) untuk membangunkan kemahiran yang sesuai untuk abad ke-21, dan memanfaatkan pembangunan teknologi untuk meningkatkan pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan pelajar.

#### TEMPOH PENGAJIAN



**Minimum** : 3.5 Tahun  
(7 Semester panjang,  
2 Semester Pendek)  
**Maksimum** : 7 Tahun  
(14 Semester panjang,  
4 Semester Pendek)

#### MOD PENGAJIAN



**Mod Industri (2u2i)**




#### JAM KREDIT






**125 Jam Kredit**

## SYARAT KEMASUKAN





### LEPASAN STPM

-  Gred C (2.00) Matematik T / Matematik M
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)  
Malaysian University English Test (MUET)
-  Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

### LEPASAN MATRIKULASI

-  Gred C (2.00) Matematik
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)  
Malaysian University English Test (MUET)
-  Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

### LEPASAN DIPLOMA

-  Purata Matanilai Himpunan (CPA/PNGK)  
2.50
-  Tahap 2 / 2.0 (Band 2 / Band 2.0)  
Malaysian University English Test (MUET)
-  Diploma Sains / Diploma Statistik  
Diploma Sains Aktuari / Diploma Sains  
Gunaan
-  Calon yang tidak memenuhi syarat  
CPA/PNGK 2.50 tetapi mempunyai  
pengalaman bekerja sekurang -kurangnya  
2 tahun dalam bidang berkaitan

## PELUANG KERJAYA


**Penganalisis Data | Penganalisis Perlombongan data**  
**Penganalisis Data Raya | Penganalisa Perniagaan dan Pemasaran**  
**Jurutera Mesin Pembelajaran | Jurutera Data**  
**Saintis Data | Perangkawan | Ahli Akademik | Penyelidik**  
**Pembuat Keputusan Berasaskan Data**



**PROF. MADYA Dr. MOHD SAIFULLAH BIN RUSIMAN**  
Ketua Program

Emel : saifullah@uthm.edu.my

# Terbitan Terkini



## CHITOSAN AS FAT-BINDER FOR LOWERING BLOOD CHOLESTEROL LEVEL

Siti Nur Farahayu Abd Rahman, Siti Amira Othman

978-629-490-007-3

RM32.00

Chitosan is a natural polysaccharide produced by the deacetylation of chitin, a significant component of crustaceans' shells such as crabs, shrimp, lobster and crawfish. Chitosan can be modified to become hydrophobic, which means the lack of affinity to water increases hydrophobicity properties. Through hydrophobic bonds, it is claimed to have the ability to bind with neutral lipids such as cholesterol. Cholesterol is a type of fat essential for humans, but too high a cholesterol level can be dangerous. Thus, this study aims to observe the parameters that can enhance hydrophobically modified chitosan's ability to lower cholesterol levels. The monitored parameters include the concentration of chitosan, the different pH values and the type of cooking oil. Another research objective is to study the effect of gamma radiation on samples. The method used to determine how much cholesterol is entrapped by the chitosan is quantifying the entrapped oil method. In contrast, the characteristics of cooking oil droplets formed can be observed through MBI-1600X microscope, UV-visible spectroscopy, Fourier Transform Infrared Spectroscopy (FTIR) and Field Emission Scanning Electron Microscope (FESEM). Finally, the interaction between chitosan and cooking oil at those three parameters, including gamma radiations effect on samples, is determined. This book is written to suit the needs of readers who want to know more about the properties characterisation of chitosan.

[Beli Buku](#)



## 8 RAHSIA PRAKTIKAL CEPAT PANDAI: KUASA ILMU INI UNTUK MUDAH KUASAI ILMU LAIN

Mas Fawzi

978-967-0061-89-4

RM49.00

Kuasai ilmu ini untuk mudah kuasai ilmu lain. Apa juga matlamat awak, 8 Rahsia Praktikal Cepat Pandai ini akan membantu awak belajar dengan lebih cekap dan lebih cepat. Rahsia-rahsia ini akan membantu awak menyelesaikan masalah dalam pembelajaran, seperti kurang faham, hilang tumpuan atau fokus, lambat belajar, mudah lupa selepas belajar, kurang minat belajar, tak cukup masa untuk belajar, dan lain-lain.

Belajar bagaimana:

- memanfaatkan tempoh belajar;
- belajar secara aktif;
- ambil nota dengan lebih berkesan;
- kekalkan fokus atau tumpuan;
- motivasikan diri untuk belajar;

# Terbitan Terkini

- ulangkaji yang berkesan; susun jadual belajar;
- menghayati apa yang dipelajari; belajar dengan seronok;
- ...dan banyak lagi


8 Rahsia Praktikal Cepat Pandai akan mengubah persepsi proses pembelajaran dari biasa-biasa kepada luar biasa. Ia akan bantu awak kuasai apa-apa ilmu dengan lebih cekap dan lebih cepat; bagi membantu awak mencapai apa-apa juga impian atau matlamat yang awak kehendaki.

[Beli Buku](#)

## BASIC OF PLS SEM STEP BY STEP USING SMART - PLS SEM

Md. Fauzi Ahmad@Mohamad

978-967-0061-76-4



Structural Equation Modeling or SEM is a second-generation statistical analysis technique for analyzing the inter-relationships among multiple variables in a model. SEM is an extension of the general linear model (GLM) that enables a researcher to test a set of regression equations simultaneously, SEM software can examine complex relationships and models, such as confirmatory factor analysis and second-order latent variables which improves the weaknesses of ordinary least square (OLS) method. There are two ways to proceed with the structural equation modelling (SEM technique) Covariance-based SEM and PLS-SEM. The selection of the method is based on the normality of data and the type of research. PLS SEM method is used for non-normal data and exploratory research. This book provides researchers with the application of PLS SEM through empirical data focusing on quality management. Empirical data will provide a better understanding of SEM application. I believe that this book will be able to help who are in the theories of applying this technique in their research. Hopefully, this book will provide a useful reference for a better understanding of SEM which can lead to implementing successful research for students and researchers.



# UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



# GTU2030

Global Technopreneur University 2030